

Latihan Pengukuhan.

Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

Lengkapkan tempat kosong bagi setiap ayat berikut dengan kata nama am dan kata nama khas dengan tepat.

Menara Berkembar Petronas	Kementerian Kesihatan Malaysia		
Kota Kinabalu	cita rasa	pemuda	tali kasut
kedai	sukarelawan	jururawat	teksi

1. Warung itu sering menjadi pilihan kami sekeluarga kerana kelazatan makanannya sangat memenuhi _____ kami.
2. Mak Cik Norlia berjalan kaki sahaja untuk ke _____ runcit itu.
3. Pihak _____ sering memantau tahap penularan wabak Covid – 19 agar sentiasa berada dalam keadaan terkawal.
4. Abang cuba membantu adik mengikat _____ sekolahnya.
5. Pelancong dari negara Jepun itu meminta pemandu _____ tersebut menghantarnya ke lapangan terbang.
6. Keindahan panorama dari bangunan _____ itu mendorong Mike untuk mengunjunginya sekali lagi.
7. Haslam meronta – ronta ketakutan apabila melihat _____ itu memegang jarum suntikan dan picagari.
8. Fatimah terpaksa ke _____ pada petang ini juga untuk menghadiri mesyuarat yang penting itu.
9. Peristiwa pergaduhan sekumpulan _____ di kampung itu masih menjadi buah mulut penduduk di sekitar kampung itu sehingga kini.
10. Para _____ sedang sibuk mengagih – agihkan bekalan makanan dan minuman kepada mangsa banjir itu.

Kata Ganti Nama

a) Lengkapkan ayat – ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. “_____ gemar bersendirian sejak kemalangan jalan raya yang dialaminya sebulan yang lalu,” kata ibu kepada nenek.
2. Tiga orang penagih dadah itu telah ditangkap oleh pihak polis. _____ akan dihantar ke pusat serenti untuk tindakan selanjutnya.
3. Kematian Tan Sri Daniel diratapi oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana _____ sangat pemurah.
4. “Adakah _____ mahu mengikut saya ke kedai buku?” kata Azrul kepada keempat – empat orang rakannya.
5. Kejayaan Azizul Hasni Awang dalam Kejohanan Berbasikal Dunia baru – baru ini menjadi kenangan sepanjang hayat _____.

b) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. “Sekiranya, perut kita terlalu sakit, minumlah ubat ini,” pesan Doktor Bee kepada Noripah.

2. Sultan Abdullah disenangi oleh rakyat kerana beliau sangat mengambil berat akan masalah rakyatnya.

3. “Janganlah mereka terlalu berbanggakan pencapaian pada kali ini kerana peperiksaan sebenar akan meliputi kesemua topik,” kata Cikgu Noridah kepada murid – muridnya.

4. Kami dengan rendah hati mempersilakan Anda sekalian untuk mengirimkan rencana Bahasa.

5. Pencuri itu dapat memasuki premis tersebut kerana beliau menggunakan alat yang canggih.
